

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sektor getah pada masa ini dan bantuan Kementerian bagi memperkukuhkan pertumbuhan industri getah melalui teknologi industri 4.0.

JAWAPAN

Antara cabaran utama yang dihadapi oleh sektor getah adalah kekurangan tenaga buruh kerana kebanyakan kilang dan ladang menggunakan perkhidmatan pekerja asing dan penggunaan teknologi tinggi di kilang-kilang pemprosesan yang masih menggunakan teknologi di tahap Teknologi Industri 3.0 atau lebih rendah. Untuk meningkatkan ke arah teknologi industri 4.0, infrastruktur, fasiliti dan kepakaran modal insan perlu ada untuk melaksanakan teknologi berkaitan Industri 4.0 seperti Data Besar (Big Data), Kecerdasan Buatan (AI), Internet Kebendaan (IOT) dan Teknologi Pemprosesan Awan (*Cloud Storage*).

Sehubungan itu, pihak Kementerian akan terus berusaha untuk merangka polisi dan strategi untuk melaksanakan Industri 4.0 khususnya dalam industri komoditi getah.

Sekian terima kasih.